



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/UPSM/A/0047 (1)
Tarikh : 14 Januari 2019

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2019**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA
TAHUN 2019**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Lembaga Getah Malaysia bagi tahun 2019 telah ditetapkan seperti jadual terlampir.

3. Anggota yang ingin menduduki peperiksaan pengesahan hendaklah mendaftar kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia (UPSM) dengan menggunakan borang yang disediakan. Borang yang telah diisi hendaklah dihantar ke UPSM selewat-lewatnya **sebelum atau pada 25 Februari 2019 (Isnin) seperti alamat di bawah**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup yang ditetapkan, tidak akan diterima.

**Unit Pembangunan Sumber Manusia
Tingkat 3, Bangunan Getah Asli (Menara)
148 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur**

4. Borang permohonan boleh didapati di laman web portal UPSM <http://www3.lgm.gov.my/upsm>. Sila ambil perhatian bahawa format serta sukatan peperiksaan akan dimaklumkan semula kepada calon-calon peperiksaan.

5. Untuk makluman, jika terdapat perubahan tarikh peperiksaan yang telah diumumkan ini, tuan/puan akan dimaklumkan kemudian.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k
Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah – Pengarah Bahagian
Ketua Unit Pentadbiran
Ketua Unit Kewangan dan Akaun

JADUAL PEPERIKSAAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA TAHUN 2019

BIL.	TARIKH PEPERIKSAAN	NAMA PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TEMPAT
1.	16 Julai 2019 (Selasa)	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 41	25 Februari 2019	Akademi Hevea Malaysia Sungai Buloh
2.	17 Julai 2019 (Rabu)	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 29	25 Februari 2019	Akademi Hevea Malaysia Sungai Buloh
3.	18 Julai 2019 (Khamis)	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 19	25 Februari 2019	Akademi Hevea Malaysia Sungai Buloh

PANDUAN PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang peperiksaan yang boleh diperolehi dari portal UPSM <http://www3.lgm.gov.my/upsm>.
2. Calon-calon digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
3. Calon-calon yang tidak mendaftar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
4. Calon-calon hendaklah **MEMBAWA KAD PENGENALAN** ketika menghadiri peperiksaan.
5. Calon-calon **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN PEJABAT SEMASA MENGHADIRI PEPERIKSAAN**. Jika tidak mengikut peraturan Ketua Pengawas boleh menghalang calon-calon daripada menduduki peperiksaan.